



# SEKITAR PERPUSTAKAAN

ISSN 0127 - 1172

BIL. 48/2018

MENJANA PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR MELALUI  
PENDIDIKAN ANDRAGOGI DI PERPUSTAKAAN DESA

Adam Zulkarnain Saleng

Ruzilah Ehsan

Siti Diana Dahlan

Syazwani Abdullah

EMPOWERING CIVIL SERVANTS THROUGH MEDIA AND INFORMATION  
LITERACY IN TRANSFORMING GOVERNMENT SERVICES

Yazid Ibrahim

ENAM DEKAD KEPUSTAKAAN PERSURATAN MELAYU DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA : CABARAN DAN MASA DEPAN

Kamariah binti Abu Samah





# **SEKITAR PERPUSTAKAAN**

**BIL. 48 / 2018**



**KUALA LUMPUR**

**Penulisan hendaklah diusulkan kepada/ Writing contributions may be forwarded to:**

Ketua Editor / *Chief Editor*,  
Sekitar Perpustakaan,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572 Kuala Lumpur

**Pengedaran oleh/ Distributed by:**

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572 Kuala Lumpur  
Email: [bkk@pnm.gov.my](mailto:bkk@pnm.gov.my)

## **SIDANG PENGARANG BIL. 48/2018**

### **EDITORIAL BOARD NO. 48/2018**

Penasihat/ Advisor  
Dato' Hajah Nafisah Ahmad  
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia  
*Director-General, National Library of Malaysia*

Ketua Editor/ Chief Editor  
Maizan Ismail  
Timbalan Ketua Pengarah  
*Deputy Director-General, National Library of Malaysia*

Editor/ Editors

Prof. Madya Dr. Siti Arpah  
Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM)  
*Senior Lecturer, Faculty of Information Management*  
Universiti Teknologi MARA

Edy Irwan Zulkafli  
Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa  
*Senior Deputy Director, Development and Rural Library Department*

Ruzilah Ehsan  
Timbalan Pengarah, Bahagian Penyelidikan  
*Deputy Director, Research Department*

**Penolong Editor/ Assistant Editor**  
Nur Syazleen Ashah  
Penolong Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Asst. Director, Corporate Communication Department*

Nur Amirah Anuar  
Penolong Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Asst. Librarian, Corporate Communication Department*

**Koordinator Penerbitan/ Publications Coordinator**  
Hashimah Mohamed Yusoff  
Timbalan Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Deputy Director, Corporate Communication Department*

Siti Zubaidah Ahmad  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Senior Asst. Director, Corporate Communication Department*

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2018

Sekitar Perpustakaan diterbitkan dua kali setahun. Pengarang bertanggungjawab penuh bagi pendapat yang dinyatakan dalam setiap artikel.

Hakcipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

---

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2018

*Sekitar Perpustakaan is published biannually. Authors of the paper are solely responsible for the opinions expressed in each paper wrote.*

*All rights reserved. Any forms of reproduction is prohibited except with the prior written permission from the Director-General of National Library of Malaysia.*

## KANDUNGAN CONTENT

### MENJANA PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR MELALUI PENDIDIKAN ANDRAGOGI DI PERPUSTAKAAN DESA

1

Adam Zulkarnain Saleng  
Ruzilah Ehsan  
Siti Diana Dahlan  
Syazwani Abdullah

---

### EMPOWERING CIVIL SERVANTS THROUGH MEDIA AND INFORMATION LITERACY IN TRANSFORMING GOVERNMENT SERVICES

11

Yazid Ibrahim

---

### ENAM DEKAD KEPUSTAKAAN PERSURATAN MELAYU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA : CABARAN DAN MASA DEPAN

24

Kamariah binti Abu Samah

---

### PANDUAN PENULISAN SEKITAR PERPUSTAKAAN *GUIDELINES FOR ARTICLES SEKITAR PERPUSTAKAAN*

39

**SEKITAR PERPUSTAKAAN**

# MENJANA PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR MELALUI PENDIDIKAN ANDRAGOGI DI PERPUSTAKAAN DESA

Oleh

Adam Zulkarnain Saleng  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
adam@pnm.gov.my

Ruzilah Ehsan  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
ruzilah@pnm.gov.my

Siti Diana Dahlan  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
siti\_diana@pnm.gov.my

Syazwani Abdullah  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
syazwani@pnm.gov.my

## Abstract

*Andragogy education is also known as Adult Education. The concept is focused on education for adults or informal adult education. The concept was introduced by Malcolm Knowles and the theory explains furthers the concepts and the importance for adults to learn something meaningful for them. Andragogy education is needed by the rural community and the concepts support the development of rural communities. It is important to take into account a good and concise concept in adult learning. This is because to make sure the concepts are not burdening those who are not well in education. The suitable approached for adult education is hands-on approached. The approach helps adults to understand better the education. A learning model was proposed by incorporating Knowles's adult learning principles with existing learning theories. The combination of ICT usage, information literacy, practicality and lightness help adults to learn better. This model is known as the BFP Model (learning, understanding, and practice). The model proposed will help academician, educator and librarian to transform a rural community. Moreover, the model also will be useful for those in lower-income categories in rural communities to be more knowledgeable. Rural Library throughout the country can adopt the proposed model and promote it among rural community. This will transform Rural Library as one-stop platform and centre in support of lifelong learning for young adult. For this reason, the roles and functions of the Rural Library will be expanded with the existence of adult education. Additionally, the Rural Library is not only providing books but also as a place where the rural community can be centre for informal education. As a conclusion, Adult education can stimulate and assist rural communities' especially young adult to improve their knowledge as equal as urban communities.*

Keywords: Andragogy, Adult Education, Rural Community, Rural Library

## Pengenalan

Pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang kehidupan manusia (Mohd Azhar et al., 2004). Bermula dari kecil hingga dewasa proses pembelajaran sentiasa berlaku sama ada secara formal maupun tidak formal. Melalui proses ini, seseorang dapat mempelajari pelbagai pengetahuan untuk diadaptasikan dalam kehidupannya. Begitu juga dengan masyarakat di mana pembangunan masyarakat khususnya masyarakat luar bandar melalui proses membentuk masyarakat yang aktif dan mampan berdasarkan kesaksamaan sosial dan saling hormat menghormati. Teras dalam pembangunan masyarakat ialah pembelajaran berterusan atau sepanjang hayat dan pemerkasaan masyarakat.

Persekutuan yang sejahtera memungkinkan masyarakat berupaya mengikuti peluang proses pendidikan formal dan tidak formal dengan sempurna. Pendidikan formal bermula daripada kelas pra sekolah hingga sekolah menengah dan melanjutkan pelajaran ke universiti maupun kolej-kolej. Manakala pendidikan tidak formal diperoleh melalui pembelajaran luar konteks sekolah seperti pengalaman, pemerhatian dan pergaulan. Pembelajaran bukan sahaja suatu persediaan untuk kehidupan yang lebih selesa dan terjamin tetapi amat penting bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan serta merupakan satu proses pembangunan insan secara holistik, seimbang dan bersepadu dalam membina kesedaran dan nilai insaniah manusia. Melalui pendidikan, pembangunan masyarakat dapat dioperasikan dengan penyediaan pendidikan berterusan atau pendidikan sepanjang hayat yang menyediakan pelbagai peluang pembelajaran kepada anggota masyarakat.

Justeru, bagi membentuk insaniah yang seimbang dalam kalangan masyarakat luar bandar supaya seiring dengan masyarakat bandar, penekanan yang jitu perlu terhadap pendidikan dewasa ataupun pendidikan andragogi.

## Pendidikan Andragogi

Pendidikan andragogi adalah salah satu pendidikan yang memfokuskan kepada orang dewasa ataupun dikenali sebagai pendidikan dewasa. Ia merupakan pendidikan yang bersifat liberal atau terbuka yang diadakan di waktu kelapangan agar orang dewasa boleh memperbaiki dan meluaskan pengetahuan, kemahiran atau hobinya (Rohayu Roddin et al., 2010). Beberapa tokoh yang membincangkan berkaitan dengan Pendidikan andragogi merumuskan bahawa andragogi sebagai satu pembelajaran dewasa yang melibatkan keseluruhan proses pendidikan bagi mengingkatkan kemahiran baru dalam pembangunan orang dewasa. Isitilah andragogi pertama kali digunakan melalui karya *Adult Leadership* (1986) oleh seorang ahli pendidikan kemudian oleh Malcom S. Knowles dalam karyanya berjudul *Adult Learner: a neglected species*.

Mohd Azhar et al. (2004) dan Hamdan et al. (2004) menyatakan bahawa kebanyakan definisi andragogi agak sukar ditafsirkan oleh tokoh-tokoh kerana setiap mereka mempunyai pandangan yang berbeza-beza untuk menerangkan maksud andragogi. Malcolm Knowles (1970) adalah salah satu tokoh yang membincangkan berkaitan dengan andragogi sehingga beliau dianggap sebagai pencetus evolusi andragogi di Amerika di mana, beliau telah menulis sebuah artikel bertajuk ‘andragogy not pedagogy’ pada tahun 1968. Selain daripada Knowles, terdapat beberapa tokoh lain yang menjelaskan maksud andragogi seperti Linderman (1972), Genser (1956) RWK Peterson (1979) dan lain-lain.

Pendidikan andragogi atau pendidikan dewasa di Malaysia telah mula dilaksanakan pada awal tahun 60an iaitu bermulanya pasca merdeka. Melalui Laporan Razak, Laporan Rahman Talib (1960) dan Akta Pendidikan (1961) pendidikan andragogi dititik beratkan agar masyarakat lebih cekap pada pendidikan. Pada awalnya pendidikan ini berasaskan pendidikan bukan formal yang difokuskan kepada golongan dewasa. Pendidikan dewasa pada ketika itu mempunyai objektif utama untuk membasmi buta huruf dalam kalangan kaum dewasa, khususnya di luar bandar (Mohd Azhar et al, 2003). Pendidikan andragogi adalah penting dalam pembelajaran dan pengajaran melalui pengetahuan dan pengalaman yang digunakan sebagai proses pembelajaran sama ada dalam bentuk pembelajaran formal, separa formal atau tidak formal.

### **Pembangunan Masyarakat Luar Bandar**

Melihat senario pendidikan di Malaysia, pelbagai usaha telah dilakukan dengan memberi penekanan terhadap kepentingan dan kebergantungan pendidikan andragogi khususnya masyarakat luar bandar. Pelbagai pihak sama ada dari kementerian, jabatan, agensi dan badan-badan yang bertanggungjawab menyebarluas kepentingan pendidikan andragogi kepada golongan dewasa khususnya yang telah tamat bersekolah. Memfokuskan konsep pendidikan andragogi kepada golongan dewasa luar bandar akan dapat membantu untuk lebih berdaya saing dari segi pendidikan.

Pendidikan andragogi pada pasca merdeka mempunyai objektif utama untuk membasmi buta huruf atau keciran, kemiskinan dan persaingan ekonomi terutama di luar bandar. Berbeza dengan masyarakat pasca merdeka, kebanyakan masyarakat luar bandar telah mendapat pendidikan formal. Namun, akibat kemiskinan mereka tercicir dan tidak berpeluang untuk meneruskan pendidikan akademik hingga ke tahap yang paling tinggi. Hal ini kerana ruang dan peluang untuk mereka melalui jalan ‘akademik’ ini boleh dikatakan tertutup. Justeru itu, pendidikan andragogi adalah jalan terbaik untuk pelajar yang ‘istimewa’ ini untuk mengembangkan bakat dan kemahiran yang dimiliki. Walaupun masa kini penembusan maklumat yang sedang berkembang membolehkan sesiapa sahaja boleh mencapainya namun, jika tidak mendapat panduan dengan tepat golongan dewasa akan tercicir dan tidak berpeluang untuk berdaya saing dengan masyarakat bandar. Masalah keciran daripada arus pendidikan merupakan isu yang perlu dipandang serius terutamanya apabila masalah ini **telah dikenalpasti** semasa di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Mereka tidak mempunyai kepakaran dan pendidikan untuk mencari pekerjaan sehingga salah dewasa. Oleh itu, kumpulan sasaran utama ialah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada keluarga, komuniti dan negara, menambah baik diri serta mempelbagaikan kemahiran. Dalam membangunkan modal insan, kerajaan mahu supaya peluang pendidikan dibuka seluas-luasnya kerana ianya penting untuk membekalkan ilmu terkini kepada masyarakat agar rakyat berkebolehan serta berkemampuan untuk menyumbangkan tenaga kerja kepada pembangunan negara.

## **Keperluan Pendidikan Andragogi bagi Golongan Dewasa yang Tamat Bersekolah**

Melihat kepada tuntutan keperluan pendidikan andragogi pada masa kini, ianya amat penting bagi membimbing golongan dewasa yang tidak terdedah kepada aspek pendidikan secara formal. Keadaan ini dilihat dari sudut penduduk luar bandar yang mana masyarakatnya masih lagi kurang pendedahan pendidikan terutama golongan dewasa pasca merdeka. Masyarakat luar bandar lebih terdedah kepada kehidupan kampung yang sederhana dan hanya menjalankan aktiviti pertanian. Mereka bukan tidak mahu kepada aspek pendidikan akan tetapi kekangan masa dan faktor dewasa dan juga kemiskinan menyebabkan mereka tidak mementingkan pendidikan dan hanya menumpukannya kepada kehidupan harian mereka.

Selalunya pendidikan andragogi berkait rapat dengan konsep pembelajaran berterusan yang menuntut pelajarnya untuk belajar. Perkara paling penting dalam pembelajaran ini adalah bagaimana cara untuk membahagikan peluang pendidikan kepada semua orang sepanjang hayat mereka. Pembelajaran berterusan juga dianggap sebagai alternatif bagi corak pendidikan tradisional yang diperoleh daripada pendidikan formal.

Knowles, M. (1970) mengembangkan konsep andragogi atas empat andaian utama seperti berikut:

- i. aspek kematangan
- ii. aspek pengalaman
- iii. aspek memainkan peranan dan
- iv. aspek orientasi pembelajaran.

Menurut beliau, kesemua aspek berikut terdapat dalam pembelajaran orang dewasa yang berbeza dengan pembelajaran pedagogi. Aspek-aspek ini perlu dilihat sebagai keperluan yang penting untuk mewujudkan pendidikan andragogi terutamanya penduduk luar bandar supaya pendidikan ini dapat membantu mereka dari aspek keperluan harian, pekerjaan, sosial dan hubungan komuniti. Konsep ini sangat sesuai dengan teori andragogi iaitu orang dewasa belajar dengan motivasi kendirinya mengikut kesesuaian peribadi (Knowles et al. 2005; Mazanah, 2001).

Menurut Abdul Kadir, H et al. (2006) dalam kajian Ashari Sikor et al. (2011) ada menyatakan bahawa faktor-faktor kenapa golongan dewasa belajar adalah seperti berikut:

- i. Sebagai tuntutan – menuntut ilmu adalah satu proses berterusan yang dituntut oleh agama. Setiap manusia di muka bumi ini memerlukan proses pembelajaran berterusan kerana boleh memberi kemudahan dari segala aspek kehidupan.
- ii. Keperluan – orang dewasa perlu belajar untuk tujuan kerjaya mereka.
- iii. Menonjolkan bakat – ianya dapat memudahkan seseorang menonjolkan bakat masing-masing dan memainkan peranan sosial dalam masyarakat sekali gus mendapat pengiktirafan dan penghormatan dari masyarakat sekeliling.
- iv. Menguasai ilmu- ilmu perlu untuk semua golongan dewasa. Justeru, untuk memenuhi keperluan faktor-faktor yang dinyatakan, pendidikan andragogi amat penting untuk di sebar luas kepada semua golongan masyarakat dewasa.

David,1988 dalam (Rohayu Roddin et al., 2010) ada menjelaskan beberapa tujuan pendidikan dewasa ini diadakan antaranya ialah:

- i. Memberi peluang pada orang dewasa yang kekurangan pendidikan sekolah tinggi mem perolehi kemahiran yang diperlukan supaya dapat berfungsi dengan berkesan dalam masyarakat dan pekerjaan.
- ii. Menggalakkan peningkatan kesedaran dan memberi kesan pada pelbagai bentuk komunikasi dan perpaduan pada tahap keluarga, tempatan, daerah, nasional dan antarabangsa.
- iii. Membangunkan sikap menggunakan masa lapang dengan kreatif bagi memperoleh sebarang pengetahuan yang diperlukan atau diingini.
- iv. Menjamin kesedaran dan efektifnya orang dewasa dalam alam pekerjaan dengan membekalkan pendidikan teknikal dan vokasional terkini serta membangunkan kebolehan mencipta, sama ada secara individu ataupun berkumpulan.

### **Peranan Perpustakaan Desa**

Dalam usaha untuk menyediakan Modal Insan luar bandar yang berkualiti, agenda pendidikan dewasa harus sentiasa diperkasakan untuk menyediakan warga negara yang berdaya saing, kompetan serta kompetatif. Pelbagai pihak sama ada kerajaan mahu pun swasta telah menawarkan pendidikan andragogi yang mengkhususkan pendidikan kemahiran seperti yang dilaksanakan oleh Kemajuan Masyarakat (KEMAS) semenjak tahun 1969 dan agensi lainnya. Malah Perpustakaan Desa juga telah berperanan mendidik masyarakat supaya sentiasa belajar dengan mengadakan kursus hujung minggu. Ianya bertujuan untuk memberi bimbingan dan latihan kemahiran asas kepada masyarakat luar bandar bagi meningkatkan pengupayaan dalam menjana sumber pendapatan keluarga dan seimbang dengan masyarakat bandar. Peserta akan dilatih secara ‘hands on’ agar dapat menambah nilai kemahiran masyarakat luar bandar.

Hubungan sekolah dengan komuniti setempat, begitu juga dengan peranan Perpustakaan Desa yang telah dibangunkan hampir di semua tempat seluruh Malaysia adalah amat penting penting. Tanpa komuniti, sekolah tidak akan wujud manakala tanpa sekolah komuniti tidak akan berkembang (A. Rizal at al., 2008). Sekolah adalah institusi penting yang telah lama wujud dalam sesebuah komuniti. Peranan ini telah diperbanyakkan dengan penubuhan perpustakaan desa, pusat komuniti, serta pusat kejiranian yang mendokong matlamat yang sama iaitu memberi pendidikan kepada golongan dewasa khasnya dan juga golongan lain.

Menurut Ramlan Zainal Abidin (2008), menyatakan diantara peranan yang boleh dimainkan bagi meletakkan sekolah dan juga kepada pusat komuniti lain seperti Perpustakaan Desa sebagai multi focus centre adalah seperti berikut:

- i. Pengiktirafan sekolah dan pusat komuniti lain sebagai pusat sosialisasi komuniti setempat.
- ii. Meletakkan kedudukan sekolah dan pusat komuniti dihati masyarakat.
- iii. Mengamalkan konsep kolaborasi dengan mana-mana agensi berkaitan.

Pembangunan Perpustakaan Desa yang begitu baik dimana terdapat sebanyak 1,102 buah Perpustakaan Desa dibina sehingga tahun 2018. Keadaan ini menunjukkan keperihatinan yang tinggi terhadap pendidikan luar bandar supaya setaraf dengan masyarakat bandar. Pengukuhannya disokong oleh pembangunan koleksi yang banyak melebihi 2 juta dapat memenuhi keperluan pendidikan andragogi masyarakat luar bandar. Perpustakaan Desa juga diselia oleh petugas yang berpendidikan dalam bidang kepustakawan. Bagi membantu masyarakat luar bandar bermandiri melalui pendidikan sepanjang hayat, satu model pembelajaran dewasa digunakan untuk diaplikasikan oleh Perpustakaan Desa. Model tersebut menggunakan pendekatan model andragogi Knowles.

### **Model Pembelajaran Dewasa**

Pelajar dewasa merupakan kumpulan pelajar yang aktif, memerlukan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi serta memerlukan proses Pengajaran dan Pembelajaran yang boleh memenuhi keperluan dan minat mereka (Mazanah Muhamad & Carter, 2002). Antara perkara yang perlu difahami dalam pembelajaran pelajar dewasa termasuk keperluan pembelajaran ciri-ciri atau karektor serta latar belakang pelajar (Siti Hajar Halili, 2012). Menurut Atherton (2003), Knowles ada membuat andaian bahawa pelajar dewasa mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Keperluan mengetahui.
- ii. Konsep kendiri pelajar.
- iii. Peranan pengalaman pelajar.
- iv. Kesediaan untuk belajar.
- v. Orientasi kepada pembelajaran.

Berdasarkan andaian tersebut, pelajar dewasa lebih terarah kepada proses pembelajaran praktikal iaitu proses sesuatu pembelajaran berbanding dengan kandungan pembelajaran yang bersifat teori semata-mata. Ini kerana sifat pelajar dewasa itu sendiri yang belajar untuk keperluan diri mereka sama ada untuk kehidupan, pekerjaan ataupun komuniti mereka.

Model pembelajaran dewasa Knowles (1970; 1980) dalam Mohd Azhar (2004) menyatakan terdapat tiga model keperluan dan matlamat dalam membentuk program pendidikan dewasa yang dapat membantu mencapai kejayaan iaitu keperluan dan matlamat individu, keperluan dan matlamat organisasi dan keperluan dan matlamat masyarakat. Berdasarkan model andargogi oleh Knowles yang dikaitkan dengan beberapa teori untuk menghasilkan satu model pembelajaran andargogi ataupun dewasa yang boleh dijadikan panduan. Teori-teori pembelajaran tersebut ialah teori behavioris, teori kognitif, teori humanistik dan teori sosial.

- i. Teori behavioris

Menekankan pentingnya ulangan rangsangan dan tindak balas kerana ia dapat mengukuhkan pembelajaran di samping mempunyai persekitaran yang baik.

## ii. Teori kognitif

Menitikberatkan perolehan pengetahuan dan pengalaman peserta di mana sebelum memulakan aktiviti pembelajaran, pengajar perlu mengetahui latar belakang pesertanya supaya mereka tidak mudah bosan dengan aktiviti yang dijalankan. Pengajar mengetahui kehendak peserta supaya apa yang diajar akan dapat diikuti oleh mereka.


## iii. Teori humanistik

Menekankan keunikan dan individualiti manusia. Teori ini menganggap perasaan, emosi, cita-cita peribadi dan perhubungan memainkan peranan penting dalam sebarang kegiatan pembelajaran dan perkembangan intelek individu. Pengajar memberikan kebebasan kepada pelajar menyuarakan pendapat mereka kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi intrinsik mereka. Mereka akan dapat membentuk keyakinan dalam diri supaya dapat berdikari.

## iv. Teori sosial

Menekankan konsep permodelan di mana pengajar menjadi model kepada para peserta bagi mencapai matlamat hidup mereka. Mereka akan menjadikan pengajar sebagai model untuk mereka berjaya dalam pekerjaan mereka.

Keperihatian kerajaan terhadap masyarakat luar bandar dengan menyalurkan banyak bantuan berkaitan dengan pendidikan seperti mengadakan kursus, latihan, seminar mahupun bengkel dapat membantu golongan miskin untuk maju. Model pembelajaran banyak dihasilkan yang memfokuskan kepada pembelajaran dewasa. Ekoran itu, satu cadangan model pembelajaran yang boleh dijadikan pilihan dan panduan sesuai bagi golongan sasaran. Dengan mengaplikasikan teori-teori yang dinyatakan, program pembelajaran dewasa akan dapat mencapai matlamatnya untuk memperkembangkan lagi tujuan dan matlamat pendidikan andragogi demi membantu pelajar dewasa lebih berpengetahuan terutamanya masyarakat luar bandar. Model pengajaran dewasa yang dicadangkan berdasarkan model Knowles dan teori-teori pembelajaran adalah seperti berikut:



## Model Pembelajaran Dewasa BFP

Berdasarkan kepada model di atas proses pembelajaran dewasa dijalankan berdasarkan prinsip pembelajaran Knowles dengan melihat pendekatan teori-teori pembelajaran. Hubungan antara prinsip teras pembelajaran dewasa iaitu Baca, Faham dan Praktis (BFP) dengan penggunaan teori-teori pembelajaran berlaku secara dua hala. Pengajar iaitu Petugas Perpustakaan dengan peserta perlu mewujudkan hubungan dua hala. Gabungan penggunaan ICT, literasi maklumat, praktikal serta santai dapat memudahkan orang dewasa untuk belajar dengan lebih baik. Pengajar ataupun fasilitator akan melihat kepada keperluan peserta supaya proses pembelajaran lebih bermakna kepada peserta. Setiap pengajar akan melihat keperluan terhadap peserta dengan melihat teori-teori pembelajaran untuk disesuaikan dalam kelas pembelajaran seperti yang telah diterangkan di atas. Aplikasi teori dalam pembelajaran adalah perlu bagi memahami kehendak dan keperluan peserta. Ini kerana kehendak dan keperluan peserta dewasa berbeza dengan pelajar remaja.

Dari segi kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (Information and Communication Technology atau ICT) ianya perlu diaplikasi dalam proses pembelajaran. Ini kerana ICT telah meningkatkan penggunaan internet, laman web (web page) dan jaringan (networking) dalam pendidikan. Perkembangan baru ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran baru yang lebih fleksibel dari segi masa, tempat, kaedah dan bahan pembelajaran (Abu Bakar Nordin, 1991). Perubahan peranan dalam pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dielakkan dengan pengenalan teknologi ICT dalam bidang pendidikan. Keperluan ICT dalam pengajaran juga amat diperlukan kerana tuntutan masa kini memerlukan semua orang harus mahir kepada pengendalian ICT. Setiap isi rumah perlu kepada penguasaan ICT. Oleh itu, setiap aktiviti pembelajaran harus menggunakan kelengkapan ICT.

## Kesimpulan

Era globalisasi telah membawa arus perubahan kepada corak hidup dan sistem sosial masyarakat dunia, termasuk di Malaysia. Oleh kerana kesan globalisasi tidak dapat dielakkan maka, masyarakat perlu bergerak seiring dengan kepentasan perubahan yang dibawa oleh globalisasi itu sendiri terutamanya penggunaan ICT oleh masyarakat luar bandar. Sebagai usaha untuk penyesuaian dalam era globalisasi maka penguasaan ilmu dan pengetahuan baru dapat dilakukan melalui pembelajaran sepanjang hayat yang menitikberat kepada orientasi teknikal. Wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang cemerlang, gemilang dan terbilang merupakan satu cita-cita dinamik yang kejayaannya banyak bergantung kepada kesejahteraan dan kekuatan rakyat dari segi mental, fizikal dan intelektual dimana masyarakat bandar dan luar bandar bergerak seiring menuju kecermelangan dan kejayaan.

## Rujukan

- A. Rizal, Samsudin, Mohamad Zaid dan Ashaari (2008). *Sekolah Dan Masyarakat*. Sekudai: Penerbit UTHM.
- Abu Bakar Nordin dan Halim Hui (1991). *Kurikulum: Perspektif dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ashari Sikor, Sapon Ibrahim, Mohamad Hisham Mohd Hashim, Ahmad Rizal Madar dan Noor Azila Zamani (2011). *Teknik pembelajaran andragogi dalam kalangan pelajar dewasa di Institusi Pengajaran Tinggi Awam Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Project Report. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Unpublished).
- Azmi Shah Suratman dan Mohd Azhar Abd. Hamid (2008). *Dinamika Pembelajaran Dewasa dalam Perspektif Islam*. Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Johari Hassan, dan Siti Norazlina Kamisan (2010). *Halangan terhadap penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru di sekolah menengah kebangsaan luar bandar di daerah Kulai Jaya, Johor*. N/A. pp. 1-10. (Unpublished).
- Knowles, M.S. (1980). *The Modern Practice of Adult Education: From Pedagogy to Andragogy*. 2nd ed. New York: Cambridge Books.
- Knowles, Malcolm S., Holton, Elwood F. & Swanson, Richard A. (2005). *The Adult Learner: The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development*. 6thEd. Burlington: Elsevier.
- Maimunah Ismail (2009). *Melestari Pembangunan Masyarakat Melalui Pendidikan Berterusan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mazanah Muhamad (2000). *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatins and Distributors Sdn. Bhd.
- Mazanah Muhamad (2001). *Adult and Continuing Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azhar Abdul Hamid (et al.) (2004). *Andragogi: mengajar orang dewasa belajar*. Pahang: Kampus PTS.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Muhammad Fauzi Othman, Zainudin Hassan, Othman A. Kassim, (2003) *Pendidikan Bukan Formal (PBF) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020*. di: Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 October 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru. (Unpublished).

Nur Iwani Azmi, Mohamad Hisyam Mohd. Hashim (2012). *Penerapan pembelajaran sepanjang hayat melalui pelaksanaan pendidikan asas vokasional*. di: Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional CiETVET 2012, 25-26 September 2012, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. (Unpublished).

Ramlan Bin Zainal Abidin, Ahmad Bin Esa Dan Wan Mohd. Rashid Bin Wan Ahmad (2008) *Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu, Cabaran Dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan Dalam Komuniti Setempat Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008: Kepimpinan Dan Pengurusan Sekolah Cemerlang*. Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM, 16 Oktober 2008.

Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar, Ahmad Esa, Sarebah Warman, Maziana Mohamed, Anizam Mohamed Yusof, dan Azmanirah Ab Rahman (2010). *Pendidikan kemahiran keusahawanan dalam kalangan wanita ketua isi rumah luar bandar*. di: Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA, 2-3 Ogos 2010, Shah Alam.

Siti Hajar Halili, Shukri Sulaiman, dan Mohd Razha Abd. Rashid, (2012). *Aplikasi prinsip pembelajaran dewasa knowles dengan penggunaan mod penyampaian teknologi sidang video dalam kalangan pelajar jarak jauh*. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 4 (2). pp. 79-90.

Zalika Adam, Faridah Kasim, dan Mohamad Johdi Salleh (2009). *Peranan kementerian kemajuan luar bandar dalam merialisasikan pendidikan luar bandar*. di: Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar, 3 - 5 February 2009, Hotel Beverly Kota Kinabalu Sabah.

## **SEKITAR PERPUSTAKAAN**

## CONSAL XVII

# EMPOWERING CIVIL SERVANTS THROUGH MEDIA AND INFORMATION LITERACY IN TRANSFORMING GOVERNMENT SERVICES

By

Yazid Ibrahim  
Senior Librarian  
National Library of Malaysia  
[yazid@pnm.gov.my](mailto:yazid@pnm.gov.my)

### Abstract

The National Library of Malaysia (NLM) offers and provides comprehensive training to improve the media and information literacy (MIL) skills among civil servants, with efficient instruction and high-quality training materials. The NLM specifically designed a training program for civil servants to achieve the national agenda, including Vision 2020, development of a knowledge society and a knowledge-based economy. The NLM has also produced an MIL module to develop practical and focused MIL competencies, such as information searching techniques, information evaluation, etiquette and use of information to enhance the skills in this information-rich world. An In4skills campaign was also launched by the NLM to promote information skills among the Malaysia society, including the civil servants. The NLM also facilitates MIL education by providing free databases and building partnerships with other organizations to enable civil servants to get access to accurate information sources and gain the information needed. The MIL development program and the In4skills campaign have received positive responses from government agencies in developing their staff's MIL skills. This presentation will present the findings of a survey on the effectiveness of the NLM's training and programs, share other findings, and discuss the issues and challenges in implementing the programs in Malaysia. Collaboration between the NLM and local government agencies is vital to ensure the MIL becomes an important skill in the work of civil servants. This presentation will share the experiences of the NLM in developing and implementing a program that can be used by other libraries. It also proposes guidelines for developing effective media and information training for the civil servants. The presentation will be of special benefit for the libraries that have plans on empowering civil servants to develop their MIL skills and to apply the skills in their organizations or departments.

**Keywords:** Media and information literacy, information literacy, civil servants, Government agencies, Malaysia

## Introduction

The modern civil servant has a significant role in the country's development. Civil servants are a leading force for national economic development and social progress. As an asset of government agencies, they have a significant role in delivering quality and efficient services to the society. Public sector organizations are under increasing pressure to deliver efficiency saving to demonstrate value in service and to develop policies which are "evidence-based" with transparency in the decision-making process (Cordella and Iannaci, 2010; Bannister and Connolly, 2011). In order to achieve those roles, high MIL skills will enable civil servants to improve their lifelong learning ability, innovation ability and decision-making capacity. Ferguson (2009), advocates that Media and Information Literacy should be firmly embedded as part of an organization's wider knowledge management activities with all information sources within an organization's information landscape including physical, personal and electronic sources known and considered as a matter of course. We must bear in mind that managers, including in the public sector, work in a range of setting and perform diverse roles (Choo and Auster, 1993).

Generally, developed countries have long recognized that information literacy is a set of crucial skills that must be mastered by their own civil servants to make their country advanced in any areas. Information literacy is a set of skills and abilities that can improve the overall efficiency of any organization (Oman, 2001; O'Sullivan, 2002). This statement is supported by a survey commissioned by Microsoft on 500 Top UK Decision-makers, which found that by 2017, ICT and information skills would be regarded as second most important skill, with teamwork and interpersonal skills as the most important success factors for business. A quarter of this survey ranked it as the number one skill for forthcoming success (Microsoft Research, 2008).

The researcher seldom highlights MIL skills among civil servants, even though these skills have become fundamental in the 21st century in providing competitive and knowledgeable civil servants. Crawford and Irving (2009) found that information literacy in the public sector work place and discovered that information exchange between people is a key source of information seeking in the public sector. Further research conducted by Li Y.Z. (2012) found that, competent departments of public servants should work out assessment standard of information literacy on senior public servants and treat information literacy as an essential competency when appointing public servants.

## Background

In Malaysia, civil servants are considered to be upheld as the "backbone" of good governance and development. The roles of civil servants are not limited to policy implementation but also to provide cabinet papers for all purposes such as economy, social and political development. These dynamic civil servants have succeeded in transforming Malaysia towards becoming a developed nation. They also are the main players which enable a country to function properly and become a high-income nation. The role of government has been about elimination of corruption, improvement of efficiency and enhancement of service delivery in pursuit of public interest (Philip, 1998).

With the aim of progressing towards self-determination after independence, the Malaysian Public Service has undergone many changes to re-orientate and evolve into a civil service structure that is relevant and progressive through the introduction of planned improvements and innovations to cope with the developments at that time as well as future needs. To date, the Malaysian Public service has staff strength of over 1.4 million employees covering 28 schemes of service including the Federal Public Service, the State Public Services, the Joint Public Services, the Education Service, the Judiciary, the Legal Service, the Police and Armed Forces.

Pada dekad 1960-an pasca awal kemerdekaan, ketiadaan sebuah perpustakaan awam dibangunkan untuk kemudahan pelajar khususnya pelajar-pelajar sekolah di sekitar Kuala Lumpur menjelaskan peluang pelajar untuk membaca, menyelidik dan menelaah. British Council dan United States Information Services (USIS) menjadi tumpuan pengguna perpustakaan. Keperluan sebuah perpustakaan dilengkapi bahan berbahasa Melayu diharapkan dapat menampung dan menyokong perubahan dasar baharu bahasa pengantar dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu di sekolah-sekolah, khususnya sebuah perpustakaan yang mempunyai reputasi baik. Peranan baru ini menempatkan perpustakaan dan pustakawan dalam dilema: sama ada berkembang sebagai sebuah "perpustakaan penyelidikan khusus" atau memberi khidmat kepada komuniti sebagai perpustakaan umum. Pada masa yang sama, DBP telah mula menggiatkan kerja-kerja penerbitan dengan serius. Dengan memanfaatkan perolehan baru manuskrip koleksi perpustakaan, DBP menerbitkan teks sastera klasik seperti hikayat. Perpustakaan mula menyimpan hasil penerbitan DBP bersama-sama buku yang diperoleh secara hadiah oleh jabatan kerajaan dan organisasi. Koleksi tersebut mula diakses oleh pelajar menerusi kemudahan yang disediakan. Pada akhir 1969-an Bahagian Sastera aktif berperanan mendokumentasikan dan menggalakkan perkembangan sastera kontemporari, menyedari bahawa koleksi perpustakaan masih jauh dari melengkapi keperluan mereka. Bahagian Sastera mula mengumpul potongan akhbar dan disimpan di dalam fail menggunakan sistem yang dibina sendiri. Bahan ini mendapat permintaan dan perhatian yang tinggi oleh penyelidik dan pengkaji sastera Melayu moden di Malaysia selepas zaman kemerdekaan. Karya-karya sastera Melayu moden dimonopoli oleh kerana makalah-makalah kreatif tersiar di akhbar dan majalah tempatan. Perpustakaan juga menyedari keperluan penyelidik DBP mesti diutamakan daripada pengguna lainnya.

Memandangkan perpustakaan awam dan perpustakaan telah diwujudkan, Perpustakaan DBP beralih semula kepada objektif asal untuk menyediakan rujukan dan bahan penyelidikan bagi pengkaji bahasa dan sastera Melayu. Dengan itu, pada pertengahan tahun 1970-an fungsi Perpustakaan DBP ditamatkan sebagai perpustakaan awam dan dibangunkan sebagai "perpustakaan khusus".

Pembangunan koleksi mula mencerminkan peranan baru Perpustakaan DBP iaitu mengumpulkan koleksi yang lengkap dalam bidang bahasa dan sastera Melayu (Rohani Rustam, 2003). Ketika Perpustakaan mula merangka dasar perolehan koleksi, peranan

perpustakaan khusus bagi bahasa dan sastera timbul dilemma berkaitan persoalan memperkayakan koleksi. Sementara perpustakaan meneruskan perolehan bahan dalam bidang terebut, cadangan untuk menubuhkan sebuah pusat yang menempatkan korpus bercetak dalam bahasa Melayu; kepustakaan Melayu, diajukan oleh para sarjana. Rasionalnya, sejarah tamadun bangsa mestilah didahului dengan korpus persuratan pengetahuan yang dihasilkan. Lantaran itu, timbul keperluan yang besar untuk mengumpulkan dan mendokumentkan korpus pengetahuan persuratan dalam bahasa Melayu.

Pada awal fasa kemerdekaan, pengajian dan penyelidikan bahasa dan sastera lebih cenderung kepada filologi berfokus kepada perkembangan dan teks-teks sastera. Manuskrip menjadi objek kajian yang penting. Manuskrip bertulisan Jawi ditransliterasi bentuk dan pelbagai edisi dihasilkan. Dengan berteraskan model metodologi filologi oleh sarjana terkemuka Eropah dalam bidang pengajian Melayu, kerja pembinaan edisi dihasilkan oleh pelajar sarjana muda Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan kemudiannya diterbitkan. Pelajar-pelajar mengaplikasikan teknik filologi di universiti-universiti di London dan Leiden. Penerbitan hikayat dari teks klasik menjadi tunjang koleksi perpustakaan. Sehingga 1961 (Cenderamata, 1962), Perpustakaan mencatatkan, memiliki 11,690 naskhah buku, daripadanya 8,082 naskhah buku-buku berbahasa Melayu dan 30 buah manuskrip. Koleksi Perpustakaan menyerupai koleksi yang dibangunkan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), the Bodleian, Oxford University and the British Museum, dari segi nilai penyelidikan.

Walau bagaimanapun, ketika pengajian oriental semakin lebap di Eropah berikutan minat kolonial di wilayah ini semakin merosot, pengajian yang berfokuskan masyarakat Asia melangkaui batas filologi, iaitu pengajian bahasa-bahasa klasik Asia, meliputi bahasa moden, sastera, sejarah, budaya, ekonomi, politik dan seni masyarakat Asia. Ketika perpustakaan di United Kingdom menghentikan perolehan bahan-bahan filologi dari dunia Melayu selepas tempoh pasca kemerdekaan, Perpustakaan DBP meneruskan tugas dalam usaha memberikan perkhidmatan kepada kesarjanaan masyarakat Melayu yang kurang diminati dunia luar. Ini termasuk bahan bacaan dan rujukan umum, kebanyakannya berbahasa Inggeris, semakin meningkat hasil derma menerusi hadiah oleh Asia Foundation, USIS, dan British Council untuk kegunaan pengguna ‘baru’. Karya penerbit kecil seperti Annies Printing (Johor Bahru), Geliga Press (Singapore), Pustaka Aman Press (Kota Bahru) terus diperoleh telah memperkayakan khazanah percetakan awal Melayu di samping karya-karya terjemahan sastera dunia.

Perpustakaan semakin komited menyediakan perkhidmatan kepada penyelidik dari jabatan dan bahagian serta universiti dan menyedari pengajian filologi bahasa tidak mencukupi. Perkembangan moden bahasa dan sastera Melayu saling berkait dengan pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Ketika Bahagian Sastera DBP diwujudkan, program membina sastera Melayu moden, bukan hanya menyelidik bentuk ekspresi sastera tradisional, malah termasuk juga memerlukan cakupan kajian koleksi Melayu yang hadir di perpustakaan Eropah, Amerika dan dunia Melayu. PDM yang baru ditubuhkan menghadapi tanggungjawab yang menggentarkan untuk memberikan definisi cakupan koleksi dan geografi koleksinya. Pertama, mendefinisikan batasan Dunia Melayu (Malay World), konsep yang membangkitkan polemik ilmiah, malah dihubungkait dengan politik dan budaya.

Pada ketika ini istilah ‘diaspora’ yang dipopularkan oleh Joel Kotkin, menarik keterujaan sarjana Melayu dengan mengesan dan mencari ‘Malay diaspora’ yang juga wujud dalam hubungan komuniti Melayu di Afrika Selatan dan Sri Lanka. Persoalan, adakah pembinaan koleksi meliputi Melayu di wilayah ini?

### **Dari Filologi Kepada Sains Sosial**

Gagasan untuk menubuhkan Pusat Dokumentasi Melayu adalah untuk memenuhi keperluan memelihara, mengklasifikasi dan mendokumentasikan hasil tradisi persuratan warisan dan budaya. Hal ini memerlukan pustakawan dan pendukung PDM menggali sebanyak mungkin bahan percetakan Melayu – yang dikenali Kepustakaan Melayu untuk diperoleh dan diakses oleh penyelidik, para sarjana dan generasi akan datang dengan menentukan parameter geografi “Dunia Melayu” dan seterusnya menentukan skop koleksi tersebut. Sudah tentu kemampuan semasa PDM turut diambil pertimbangan.

Lim Pui Huen (1986) dalam bibliografi mengambil tafsiran dan istilah ‘the Malay World of South East Asia’ – istilah pertama kali dicetuskan dalam mesyuarat UNESCO Advisory Committee for the Study of Malay Culture, Bali in 1974 disertai Indonesia, Malaysia, Singapore, Filipina, Thailand, dan Brunei. Lanjutan perdebatan itulah sebuah pusat sehenti dilengkapi dengan bahan dan penulisan Melayu meliputi sejarah, budaya, agama, politik termasuk bahasa dan sastera menjadi penentuan pembangunan koleksi yang ideal. Jelaslah, koleksi PDM tidak harus tertumpu kepada bahasa dan sastera semata-mata lantaran ekspresi sastera Melayu tidak mungkin terpisah dari lain-lain aspek kehidupan, bidang yang dikenali sebagai sains sosial.

Oleh itu, pada pertengahan 1990, PDM memperoleh bahan tentang Melayu – kebudayaan, sejarah, agama, adat, pendidikan, dan undang-undang. Sebagai organisasi yang menyokong objektif DBP, penekanan khusus kepada perolehan bahasa dan sastera Melayu dengan tumpuan kepada Malaysia dikekalkan. Sumber utama perolehan adalah penerbitan DBP yang diserahkan kepada PDM termasuk bidang sains; sosial dan hayat.

Pada tahun 1990, Perpustakaan telah menganjurkan Seminar Serantau Pendokumentasian Bahasa dan Kesusteraan Melayu. Gagasan dan usul penubuhan Pusat Dokumentasi DBP diusul oleh Nik Safiah Karim, mantan Timbalan Ketua Pengarah DBP (Seminar Serantau 1991) telah diutarakan. Pada 12 Ogos 1993 “perpustakaan khusus” DBP dinaik taraf sebagai Pusat Dokumentasi Melayu (PDM). Teknologi rangkaian fiber, enjin pencarian, Sistem Perpustakaan, Sistem Pengurusan Dokumen, Sistem Imejan dan Multimedia, Sistem Kenyataan Papan Elektronik, Sistem Capaian Teks Penuh dan teks Bebas BRS-SEARCH, 15 buah pangkalan data serta 14 buah pangkalan data direktori menjadi nadi dan kemajuan terkini (state-of-the-art) PDM sebagai antara pusat penyebaran kepustakaan Melayu di nusantara.

“... selaras dengan usaha menjadikan Kuala Lumpur pusat penyampaian bahan dalam bahasa Melayu kepada seluruh nusantara... tanggungjawab memelihara warisan Melayu sebagai warisan peradaban masyarakat dunia yang progresif.”

Petikan DBP tubuh PDM. 13.8.1993: hal. 4.

## Kepustakaan Melayu Melangkau Abad 21

Pasca 2000 merupakan tempoh mencabar bagi PDM menungkah arus alaf Y2K untuk kekal relevan bersaing dalam status sebagai sebuah perpustakaan khusus penyelidikan dan pusat rujukan bahasa dan kesusasteraan Melayu yang mengaplikasikan teknologi pengurusan perpustakaan, pangkalan data, dokumen dan multimedia. Dari permulaan koleksi yang kecil sebagai sebuah perpustakaan jabatan kini muncul sebagai PDM, yang berperanan sebagai pusat rujukan ulung bahasa dan kesusasteraan Melayu serantau dengan kepustakaan serta menempatkan aset keilmuan yang besar dalam bidang sains kemasyarakatan dengan tumpuan khas kepada bahasa dan sastera.

Rohani Rustam (Rohani Rustam, 1999) dalam dekad kepimpinannya di PDM menyatakan “PDM menuntut pelbagai kemahiran terutamanya daripada tenaga profesionalnya untuk menjayakan projek penting dalam sekitaran yang amat mencabar. Sesiapa juga profesional mesti mampu mengurus projek dengan kreativiti menghimpun dan mempersemprehankan koleksi dalam bentuk yang bermakna. Koleksi tersebut penjelmaan satu sejarah sosiobudaya yang hidup yang diperlukan sebagai bahan penentu dalam usaha membina sebuah tradisi baru, iaitu kebudayaan Malaysia moden”.

### **Pelestarian Kepustakaan Melayu Abad 21: antara tradisi dan masa kini.**

Pengurusan dan penyebaran perbahan kepustakaan Melayu yang dipacu Sistem Pustaka, sistem ubahsuai yang dibina sejak 1999 tidak menafikan fungsi menyebarluaskan khazanah persuratan Melayu PDM. Pengalaman dalam mengoptimumkan kompetensi kepustakawan untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai wahana bahasa ilmu tinggi dan memartabatkan kepustakaan persuratan Melayu di peringkat dalam dan luar negara tidak hanya terbatas kepada pemeliharaan fizikal bahan kepustakaan sebagaimana amalan perpustakaan dan arkib. PDM harus membuat lonjakan melangkaui (beyond) fungsi perpustakaan yang dapat menyumbangkan impak, khususnya dalam pembangunan kesarjanaan dan penyelidikan. Inisiatif, peranan dan sumbangaan PDM dalam pengembangan dan pelestarian tradisi tamadun budaya ilmu, khususnya karya-karya agung persuratan Melayu dicapai menerusi inisiatif program penataran, pentransliterasian, penyelidikan, dan penguasaan filologi manuskrip Melayu, serta rancangan strategik dalam melestarikan dan memartabatkan persuratan Melayu di peringkat dalam negara dan antarabangsa.

Keunggulan manuskrip bertulisan tangan jawi Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) koleksi PDM sebagai karya agung yang diwartakan sebagai warisan dunia Memory of the World Register oleh UNESCO pada September 2001 telah memperkenalkan kepustakaan PDM kepada warga dunia. Pengisytiharan manuskrip Kitab Tib Ilmu Bedil sebagai Memory of the World Committee Asia Pacific (MOWCAP) Register pada Mei 2016, adalah pengiktirafan yang pertama buat Malaysia di bawah organisasi tersebut telah mengukuhkan keupayaan PDM untuk menginterpretasikan khazanah warisan bangsa menjangkau (beyond) statusnya sebagai simpanan koleksi khas dan tertutup.

PDM mengukuhkan matlamat dan peranan (Laporan Tahunan DBP, 2003) iaitu mewujudkan pusat serantau bagi koleksi bahasa dan sastera Melayu. Kekuahan perpustakaan khusus amat bergantung kepada aktiviti penyelidikan organisasi induknya yang diterajui oleh Bahagian Penyelidikan Bahasa dan Bahagian Penyelidikan Sastera. Pengisian koleksi PDM menonjolkan sumbangan langsung dan tidak langsung kepada proses pembentukan negara bangsa dan identiti kebangsaan menerusi masyarakat kaya maklumat. Hubungkait pusat khazanah kepustakaan persuratan Melayu dan khalayak meningkatkan peranan PDM dalam memperkayakan pelbagai koleksi persuratan Melayu, memajukan perkhidmatan dan penyebaran maklumat dalam menyokong dan menggalakkan penyelidikan persuratan Melayu (Laporan Tahunan DBP, 2013). Di bawah fungsi dasar dan penyelidikan, pendokumentasian dicatatkan sebagai salah satu wadah penting memartabatkan bahasa sastera dan persuratan Melayu menangani cabaran dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang (Laporan Tahunan, 2015). Transformasi PDM dalam abad ke-20-21 menuntut sumbangan dan peranan dalam mengukuhkan bahasa Melayu sebagai wadah pembina negara bangsa. Pencapaian PDM telah meletakkan DBP sebagai model unik dalam memasyarakatkan kepustakaan Melayu dan menyuburkan jati diri bangsa.

Kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan, dan kesusasteraan Melayu membuka ruang PDM untuk memasyarakatkan budaya ilmu kepustakaan Melayu pasca abad ke-21 menerusi program pembelajaran, dan pendidikan Muzium Bahasa dan Persuratan Melayu (MBPM) yang dijalankan mulai 2011.

Dapatlah dikatakan garis masa perubahan PDM dari 1956 hingga dasawarsa ini telah membawa dampak peranan dan sumbangan terhadap kemajuan bangsa dan negara. Dalam rentetan garis masa dapat dirangkumkan anjakan perubahan dari Bahagian Perpustakaan kepada Pusat Dokumentasi Melayu dalam sorotan yang berikut;

1956 -1959	Bahagian Perpustakaan sebagai bahagian terawal ditubuhkan. Perpustakaan terawal di Persekutuan Tanah Melayu. Pengembangan menerusi pameran. Sokongan dari institusi dalam dan luar Negara seperti Toyota Foundation dan British Council.
1960-1969	Mengukuhkan pengurusan koleksi perpustakaan berasaskan model British Museum dan Leiden. Promosi melalui pameran penerbitan, antaranya Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa kebangsaan. Menyokong keperluan penyelidikan sastera Melayu.
1970-1979	Pengukuhan koleksi dokumentasi penulis dan persatuan. Fungsi pendokumentasian dari koleksi Unit Dokumentasi Bahagian Sastera dan pengindeksan. Penerbitan bibliografi dan indeks.
1980-1989	Menyokong Gerakan Membaca sebagai pengisian Dasar Buku Negara. Urus setia kegiatan Pesta Buku Kuala Lumpur.

1990-1999	Menteri Pendidikan mengisyiharkan Urus setia Gerakan Membaca dipindahkan dari DBP kepada Perpustakaan Negara. Resolusi Seminar Serantau Pendokumentasian Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Sistem Perpustakaan Berkomputer Rangkaian dan Pangkalan Data BRS SEARCH, rangkaian FDDI, Sistem Imejan dan Multimedia Peluasan fungsi dengan menaik taraf Bahagian Perpustakaan kepada Pusat Dokumentasi Melayu.
2000 - 2011	Pengiktirafan Memory of the World, Unesco bagi manuskrip Melayu Sulalatus Salatin (2001). Peluasan fungsi perkhidmatan kepustakaan menerusi PDM Wilayah Timur, Wilayah Selatan dan Wilayah Utara. Pewujudan Galeri Bahasa Jiwa Bangsa dan Galeri Keris Mas. Pustaka Digital. Peralihan dari kepustakaan bercetak ke digital. Program Galakan Membaca. Majlis Bicara Karya. Astaka Minda. Kepustakaan digital manuskrip Melayu, Mymanuskrip.
2011 -2017	Muzium Bahasa dan Persuratan Melayu. Kolaborasi program pengembangan di IPG, Universiti awam dan swasta. Wacana Persuratan Melayu. Memartabatkan tulisan jawi dan membina pengkaji muda naskhah Melayu (Bengkel Penataran Mansukrip Melayu, Kalam Jawi dan Baca Naskhah). Pengiktirafan Memory of the World Asia and the Pacific Register, Unesco bagi manuskrip Melayu Kitab Tib Ilmu Bedil (2016).

## CABARAN KELANGSUNGAN KEPUSTAKAAN MELAYU.

Revolusi digital telah mengubah dimensi dan perspektif perkhidmatan PDM dan pengguna, khususnya bagi golongan generasi-y dan generasi milenium. Perkhidmatan perpustakaan pada hari ini berhadapan cabaran besar dengan perubahan persekitaran yang dinamik serta jangkaan pelanggan dan juga pemegang taruh (stakeholders) yang semakin tinggi. Era generasi milenium merupakan era di mana setiap kegiatan apapun harus didukung oleh teknologi. Kemudahan-kemudahan inilah yang memunculkan istilah “Dunia dalam genggaman”, kerana segala maklumat, suara, video, imej dapat diakses dengan menggunakan di mana pun dan pada bila-bila masa diperlukan. Kemajuan teknologi ini seharusnya dapat dimanfaatkan dalam meningkatkan perkhidmatan dan menjangkau khalayak sehingga dapat memacu perkembangan “perpustakaan/ilmu dalam genggaman”.

Desakan memperoleh bekalan dan perolehan maklumat masa kini disebut sebagai “*Pengguna lebih selesa memperoleh maklumat dalam genggaman*” menerusi mobile phone, ipad, MP3, laptop dan lain-lain gajet serta media sosial seperti facebook, twitter, blog selain berinteraksi. Keperluan maklumat mereka lebih kompleks. Golongan ini begitu responsif dan mahukan perkhidmatan perpustakaan yang lebih cekap, mesra dan berkualiti. “*It's all about “Zero Tolerance for Delays” All they want is Instant Results”*.” (Raslin Abu Bakar, 2012).

Pengurusan koleksi masa kini berubah perspektif yang tidak sahaja terbatas kepada penyelenggaraan, penyimpanan dan pengelolaan bahan kepustakaan. Memetik pandangan Bos, Jan (2012);

...“*The Collections Department is responsible for three things: the selection, the acquisition and the exploitation of the collection....selection is not only involved of buying new publications, but it also means the selection of materials that gets first priority for digitization, be they medieval illuminated manuscripts or the 19th century popular magazines. It also means...the selection of web sites that we want to harvest on regular basis as part of our heritage today.*”

...“**Collection specialist** not only need a thorough knowledge of their discipline, but also digitization techniques and formats, and also digitizations rights management to guarantee free access to digitized collection. “

...“**Collection exploitation** encompasses all the activities that enhance the visibility of collections and increase their use...it means all kinds of cultural and scholarly activities; the organizations of exhibitions, conferences and workshops, giving presentation and papers; making contribution to publications; assisting scholars who study the collections; and answering questions from patrons” .

Selanjutnya Bos (2012) memperincikan kompetensi Pakar Koleksi (Collection Specialist) sebagai pustakawan abad 21 dengan ciri-ciri berikut;

- Memiliki kepakaran bidang sama ada sejarah perbukuan, kodikologi, geografi atau sains sosial,
- Menggunakan latar belakang pengetahuan untuk memberitahu, berinteraksi dengan koleksi yang dipertanggungjawabkan,
- Menyedari perkembangan dan kemajuan penyelidikan dalam bidang kepakaran mereka,
- Mengenali sarjana, penyelidik, pelajar dan pengguna masyarakat dan fizikal perpustakaan serta keperluan pengguna,
- Mengetahui sumber dalam dan di luar perpustakaan,
- Aktif dalam eksploitasi tradisional dan e-eksploitasi,
- Melayani keperluan bidang kemanusiaan dan e-kemanusiaan,
- Mengambil bahagian dalam penyelidikan,
- Mahir berdiskusi tentang masalah pemeliharaan, piawaian pendigitan, hak digital dan metadata.

Kesimpulan, pakar koleksi adalah pustakawan yang memiliki meta-pengetahuan (metaknowledge), serba boleh, penjelajah dalam korpus pengetahuan, proaktif dalam memasarkan kepustakaan ilmu.

Neil Richard Gaiman, penulis terkenal bangsa Inggris, pernah mengungkapkan pernyataan yang sangat menarik tentang kaitan antara Google dengan pustakawan. Neil menyatakan bahwa “*Google can bring you back 100,000 answers, a librarian can bring you back the right one.*” Pustakawan sebagai manusia mempunyai sisi kemanusiaan bersikap ramah, bijaksana dalam situasi melayani pengguna perkhidmatan, sesuatu yang tidak dipunyai oleh mesin dan teknologi secanggih apapun (Mohamad Rotmianto, 2015).

### Kepustakaan Melayu Melangkah Mega 2050.

Negara Indonesia, jiran dan Negara anggota MABBIM, dan MASTERA canangkan pembangunan jangka panjang pada tahun 2025 di visi pembangunan yang lebih spesifik, iaitu insan Indonesia yang cerdas dan kompetitif “Yakni cerdas spiritual, emosional, sosial, intelektual, dan cerdas kinetiks.”

Prinsip Sektor Industri Kreatif yang dilahirkan oleh Akademi Sains Malaysia dalam *Foresight Malaysia 2050* membawa visi masa depan dalam beberapa cadangan antaranya;

...“*The national culture must be based on the indigenous culture of this region: The region involved covers ASEAN, as well as the South Pacific islands and Malagasy. As such, the culture of the indigenous people from this region, which, in a wider or narrower sense, refers to the Malay culture, forms the basis of the National Culture Policy ... It helps brand and capture a Malaysian identity in the future.*”

Penerimaan ini memberikan kedudukan yang baik bagi PDM untuk berkembang dari tradisi kepada arus perdana 2050 dengan berbantuan persekitaran teknologi maju yang memacu ekosistem kehidupan komuniti pintar 2050.




*Malaysia 2050 Smart Communities.* Akademi Sains Malaysia, 20 Jan. 2017.



Cabaran seterusnya adalah mendepani persekitaran pasca 2020 dengan pengukuhan masyarakat yang “mempunyai identiti kebangsaan yang teguh dan nilai moral yang tinggi, berpengetahuan tinggi, berinovatif dan menghargai kepelbagaiannya pandangan” “serta dahagakan ilmu” (RMK ke 10: Bab 10). Peranan harus diambil untuk memenuhi keperluan modal insan cemerlang dalam ilmu kesenian, sains dan kemanusiaan menerusi program pembelajaran sepanjang hayat.

Dekad 2050 memberikan gambaran kehidupan masyarakat yang dipacu oleh ekosistem *internet of things*, *internet of services*, *internet of people* dan *internet of data*. Akademi Sains Malaysia menerusi visi yang dilahirkan pada 2014 dalam inisiatif Foresight Malaysia 2050 menjangkakan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang melahirkan Komuniti Pintar merangkumi masyarakat bandar dan luar. **Teknologi Digital** merupakan antara dalam 5 Tumpuan teknologi mega yang akan memberi impak positif kepada sosioekonomi Malaysia ke arah 2050 di samping Bioteknologi, Teknologi Hijau, Nanoteknologi, Neuroteknologi telah dijangkakan menyumbang kepada KDNK Malaysia pada 2050 (Akademi Sains Malaysia, 2016).

### Malaysia 2050: Komuniti Pintar Memanfaatkan Kapasiti STI Termaju



Bagaimakah evolusi penerbitan dan kepustakaan dekad 2050? Sektor ekonomi kreatif Malaysia 2050 bakal dipacu oleh industri kreatif dan kebudayaan berteraskan seni, budaya, perniagaan dan teknologi dikenalpasti sebagai penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi, bakal diterajui 13 sektor, iaitu; muzik, seni persembahan, pengiklanan, seni bina, pasaran seni dan antik, kraftangan, televisyen dan radio, rekaan, fesyen, filem, perisian interaktif (contohnya, permainan video), penerbitan, dan perisian.”



Mega science 3.0 Creative Industry Final Report. <http://www.akademisains.gov.my/download/6.%20Creative.pdf>

Transformasi penghasilan ilmu dan penerbitan berasaskan ekonomi kreatif yang bakal dilalui negara menuntut persediaan perancangan dan pengembangan bahasa Melayu dan sastera Melayu, meliputi infrastruktur, teknologi, ruang, jalur lebar, tenaga pakar PDM mahupun DBP dalam menguruskan ledakan penghasilan produk teknografi dalam dasarwasa mendatang.

*Creative Industry Sector - Academy of Sciences Malaysia* memberikan gambaran garis masa teknologi kala depan sebagai berikut;

2020-2030	2030-2040	2040-2050
Holographic TV mainstreamed 3D printed clothes Digital technologies and smart materials for clothes 8K resolution TV	Death of cinema screens All television becoming internet based/ streaming Newspapers no longer printed Intelligent ethical advertising Holographic wall screens Full immersion virtual reality	Robots common features of home and work place Hi-tech intelligent buildings revolutionize urban landscape Artificial Intelligence (AI) creates content

Strategi Mega Science 3.0 ASM dalam aspek “penggunaan teknologi maju oleh Galeri, Perpustakaan, Arkib dan Muzium (GLAM)”. Transformasi persekitaran teknologi dan kompetensi membawakan kepadapustakawan kaladepandamerekayasa,menggembling sumbertenaga, teknologi, infrastruktur yang dinamik. Model seperti Onesearch dibina oleh National Library of Singapore dan Perpustakaan Nasional Indonesia harus menjadi model penanda aras oleh perustakaan dan institusi pengembangan maklumat seperti PDM dan DBP.

Peranan PDM yang inovatif, imaginatif dan inklusif untuk menghadapi ledakan ilmu dan pengetahuan pada pertengahan abad ke 21 dalam penjanaan ekonomi baru berdasarkan ilmu dan maklumat memerlukan penguasaan ilmu (kemanusiaan dan teknologi), memiliki minda kreatif, inovatif serta imaginatif berubah mengikut kehendak dan keperluan pengguna masa depan dan kekal relevan sebagai pemangkin “kesarjanaan digital” dan kecemerlangan kepustakaan Melayu.

## RUJUKAN

- Akademi Sains Malaysia. (2017). *Malaysia 2050 Smart Communities*.
- Akademi Sains Malaysia. Laporan Tahunan 2016.
- Bos, J. (2012). Twenty-First-Century Librarianhood: Training Specialist or Generalist. In Mouren, R. (Ed.), *Ambassadors of the book: Competencies and training for heritage librarians*. Berlin: IFLA Publications 160.
- Jones, R. (2003). Competencies for Information Professionals of the 21st Century. (Revised ed.). Diakses pada Julai 4, 2017, dari [https://www.sla.org/wpcontent/uploads/2013/01/0\\_LRNCCompetencies2003\\_revised.pdf](https://www.sla.org/wpcontent/uploads/2013/01/0_LRNCCompetencies2003_revised.pdf).
- Academy of Sciences Malaysia. Creative Industry Sector. Diakses pada Julai 31, 2017, dari [www.akademisains.gov.my/download/ms3.0/Creative\\_Industry\\_Sector.pdf](http://www.akademisains.gov.my/download/ms3.0/Creative_Industry_Sector.pdf)
- Pusat Dokumentasi Melayu ditubuh. (1993, Ogos 13). Utusan Melayu, p.4
- Noor Hazani Musa. (1994, Julai 8). DBP wujudkan Pusat Dokumentasi Melayu. Utusan Malaysia, p.22.
- Kamariah Abu Samah & Wan Salhah Hj. Megat Ahmad. (1988). Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka: sejarah dan peranannya. Mutiara Pustaka, 1(1), 6-7.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). Laporan Tahunan DBP 2013. (hal. 32)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Laporan Tahunan DBP 2015. (hal. 28)
- Persatuan Pustakawan Malaysia. (2016). Librarianship competencies for special library guideline. Special Library Committee (SLC), (Comp.).
- Lim, Patricia Pui Huen. (1986). The Malay world of Southeast Asia: a select cultural bibliography. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Academy of Sciences Malaysia. Mega science 3.0 Creative Industry Final Report. Diakses dari <http://www.akademisains.gov.my/download/6.%20Creative.pdf>
- Mohamad Rotmianto. (2015). Konsep Hard Skill, Soft Skill dan Spiritual Skill Pustakawan Menghadapi Era Library 3.0. Pustakaloka, 7(1)
- Nik Safiah Karim. (1990). Pusat Dokumentasi Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Dewan Sastera, 20(71990), 57-59.
- On-line info on Malay language. (1993, August 13). Malay Mail, p.12.

- Nik Safiah. (1989, Februari 18). Perpustakaan DBP akan jadi pusat dokumentasi bertaraf antarabangsa. Utusan Malaysia, p.5.
- Pusat Dokumentasi ditubuh. (1993, Ogos 13).
- Pusat Dokumentasi Melayu ditubuh. (1993, Ogos 13). Utusan Melayu, p.12.
- Raja Masittah Raja Ariffin & Idros Samsudin. (1993). Pusat Dokumentasi Melayu: sejarah dan cabaran masa depan. Pelita Bahasa. 5(11), 24-26.
- Rancangan Malaysia ke 10: Bab 10 Malaysia pasca 2020. Diakses pada Julai 31, 2017, dari <http://epu.gov.my/sites/default/files/Bab%2010.pdf>
- Raslin Abu Bakar. (2012). Transformasi Profesional Kepustakawanan Di Dalam Era Digital.
- Rohani Rustam. (1999). Pusat Dokumentasi Melayu Abad ke-21: Pengurusan Kala Depan Kepustakaan Melayu. Mutiara Pustaka, 9, 8.
- Rohani Rustam. (2006). The Malay Documentation Centre of the Dewan Bahasa dan Pustaka (Malaysia): from Philology to the Social Sciences. Alexandria, 18(2)
- Seminar Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akademi Sains Malaysia. (2017). Malaysia 2050 Smart Communities. Diakses pada Ogos 1, 2017, dari <http://www.akademisains.gov.my/download/Malaysia%202050%20Smart%20Communities%20Presentation%20MATRADE%202017.pdf>
- A. Shukor Rahman. (1993, August 16). DBP to offer better access to information. New Straits Times.
- DBP's multimillion project awarded to BIS. (1993, August 9). New Straits Times.
- Akademi Sains Malaysia. (2017). Malaysia 2050 Smart Communities. Diakses pada Julai 31, 2017, dari <http://www.akademisains.gov.my/download/Malaysia%202050%20Smart%20Communities%20Presentation%20MATRADE%202017.pdf>
- World in 2050. (2013). The BRICs and beyond: prospects, challenges and opportunities.

## **SEKITAR PERPUSTAKAAN**

**SEKITAR PERPUSTAKAAN**

## **PANDUAN PENULISAN SEKITAR PERPUSTAKAAN**

### **GUIDELINES FOR ARTICLES SEKITAR PERPUSTAKAAN**

Sekitar Perpustakaan adalah sebuah jurnal yang diterbitkan dua kali setahun dan tujuan utamanya ialah untuk memenuhi keperluan profesionalisme Pustakawan dan menggalakkan pertukaran pendapat dan pengalaman.

*Sekitar Perpustakaan is a journal published twice a year. It aims to cater for the professional needs of librarians and to promote the exchange of ideas and experience.*

### **PANDUAN UNTUK PENULIS**

#### **INSTRUCTION TO AUTHORS**

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.  
*Manuscripts can be written in Bahasa Malaysia or in English.*
2. Setiap artikel harus diberi sebuah Abstrak/Ringkasan antara 100-500 perkataan.  
*Each article should include an abstract/Summary of 100-500 words.*
3. Setiap artikel harus dalam jangkauan 4,000 dan 7,000 perkataan.  
*Articles should be between 4,000 and 7,000 words.*
4. Manuskrip diserahkan dalam kertas A4 dan ditaip atas satu muka surat dalam langkau dua baris. Semua catatan termasuk nota-nota, rujukan, sebutan, rajah dan apendiks juga hendaklah ditaip dalam jangkau dua baris dan diasingkan dari teks.  
*The Manuscript should be presented on A4 paper, double-spaced throughout (Including notes, references, quotations and appendix), on one side of the paper. References, appendices, tables and figures should be on separate sheet of paper.*
5. Sumbangan harus dikemukakan di dalam satu salinan bercetak dan juga di dalam softcopy.  
*Contributions should be submitted in one printed copy and softcopy.*
6. Pada muka surat pertama artikel butir-butir seperti tajuk artikel, nama pengarang, hubungan profesionalnya, alamat pos, nombor telefon, nombor faks dan alamat emelnya hendaklah disediakan.  
*The front page of the article should include the title of the article, the author's name, and their affiliations, postal address, phone and fax numbers and email addresses.*
7. Nota kaki hendaklah digunakan secara minima dan senarai rujukan harus ditempatkan secara abjad pada penghujung artikel.  
*Footnotes should be kept to the minimum. All references should be listed alphabetically at the end of the article.*
8. Semua manuskrip perlu dihantar kepada Bahagian Komunikasi Korporat, 232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur.  
*All manuscript should be sent to Corporate Communication Division, Sekitar Perpustakaan, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur*

## **Nota / Notes :**

## **Nota / Notes :**



## PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia  
T 03 2637 1700 F 032694 2490  
[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[pnm\\_2010](#)



[PNM\\_mal](#)



[narrativeclip](#)